



# HADIS AMALAN TERBAIK DALAM SAHIH BUKHARI: ANALISA STILISTIK FONOSEMANTIK

(Hadiths of the Exemplary Practices in Sahih Bukhari: A Phonosemantic Stylistic Analysis)

Hishomudin Ahmad<sup>1</sup>, Norfarhana Ahmad Ghafar<sup>2</sup>, Muhammad Anwar Bin Ahmad<sup>3</sup>, Ku Mohd Syarbaini Bin Ku Yaacob<sup>4</sup>

<sup>1,2</sup> *Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,*

<sup>3</sup> *Jabatan Bahasa dan Sastra Arab, AbdulHamid AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge & Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,*

<sup>4</sup> *Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis.*

## Abstract

*Stylistics, a sub-discipline of applied linguistics, examines the aesthetic aspects of language style within texts, particularly literary ones. While it is often used to explore the linguistic beauty of the Quran, it is less frequently applied to Prophetic Hadith texts. This study aims to analyse Hadiths that contain conversations between the Prophet and his companions, known as the Qauli Hiwari-type, related to exemplary practices (Afdhal al-‘amal), in Sahih Bukhari. Textual analysis was applied using phonosemantic analysis to examine letter combinations in words and ascertain their meanings related to these practices. The findings reveal five exemplary practices in the Prophet's Hadiths as narrated in Sahih Bukhari, hierarchically arranged to reflect their significance: belief in Allah SWT and His Messenger, and performing prayers punctually, which are fundamental to Islam, followed by kindness to parents, Jihad fi Sabillillah, and performing Hajj Mabruur, subject to individual limitations and capacities. This study demonstrates that phonosemantic stylistics can effectively analyze the linguistic style of religious texts, particularly in discerning meanings embedded in letter combinations, and shows that Hadith texts can be examined through stylistics with appropriate guidelines. These findings contribute to a deeper understanding of the linguistic nuances and religious teachings within the Hadiths of Sahih Bukhari.*

**Kata Kunci:** *Afdhal al-‘amal, Exemplary Practices, Phonetic, Phonosemantic, Sahih Bukhari, Stylistics.*

## Article Progress

Received: 28 Mac 2024

Revised: 9 April 2024

Accepted: 20 May 2024

\*Corresponding Author:  
Norfarhana Ahmad Ghafar.  
*Fakulti Pengajian Bahasa  
Utama, Universiti Sains  
Islam Malaysia*

Email:  
norfarhana@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Stilistik merupakan satu bentuk kajian terhadap gaya bahasa dalam sesuatu teks. Ia dikategorikan sebagai ilmu linguistik gunaan yang menerapkan tujuh jenis analisa iaitu: fonologi, morfologi, sintaksis, leksikal, semantik, wacana dan retorik dalam sesuatu teks (Fahnestock, 2005; Short, 1996). Perkembangan ilmu ini dipengaruhi oleh beberapa faktor, iaitu: pengaruh perkembangan ilmu linguistik moden dan kritikan sastra sama di Amerika dan Perancis (Stockwell, 2008; Wales, 2014). Fungsi utama stilistik adalah untuk mengkaji bagaimana sesebuah teks berfungsi untuk difahami dan ditafsirkan (Wales, 2014).

Terdapat pelbagai teks yang digunakan dalam analisa stilistik, seperti teks sastra yang merangkumi syair, drama, dan prosa (Short, 1996). Teks agama juga tidak terlepas dari kajian stilistik, di Indonesia, khususnya al-Quran, bermula dari tahun 2020 terkesan dengan perkembangan ilmu stilistik dalam bahasa Arab (Haleema Rashid & Muhammad Arfan Lodhi, 2019; Parveen et al., 2020; Ahmad Hizkil & Syihabuddin Qalyubi, 2021; Nunung Nursyamsiah et al., 2022). Kajian-kajian tersebut mengkaji keindahan bahasa yang digunakan di dalam teks al-Quran. Namun, kajian terhadap teks hadis kurang mendapat perhatian dalam kajian lepas, khususnya dari aspek fonosemantik yang memfokuskan kepada makna yang terhasil dari gabungan bunyi huruf Arab yang mempunyai keunikan tersendiri.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa teks Hadis dengan menggunakan salah satu pendekatan dalam stilistik, iaitu: analisa fonosemantik. Ia akan memfokuskan kepada hadis-hadis yang terkait dengan amalan terbaik (*afdal a'mal*) di dalam *Sahih al-Bukhari* karya *Muhammad ibn Ismail al-Bukhari*. Hadis ini yang berbentuk dialog ringkas dikategorikan dalam bentuk *Qauli-Hiwari*, di mana kata kunci amalan terbaik dinyatakan oleh Nabi SAW dianalisa bagi melihat makna yang terhasil dari gabungan huruf-huruf yang menjadi jawapan kepada amalan terbaik. Kajian ini akan memberi impak kepada bidang stilistik, di mana teks Hadis menjadi teks baharu di samping kaedah analisa fonosemantik kurang diterapkan dalam teks bahasa Arab.

## KAJIAN LITERATUR

### Stilistik

Stilistik merupakan ilmu yang memfokuskan kepada penggunaan bahasa di dalam sesuatu teks. Menurut Wellek & Warren (1954) stilistik digunakan bagi meneliti penggunaan bahasa yang unik atau menyimpang daripada norma bahasa biasa dan menganalisa fungsi estetika yang terdapat dalam dalam teks sastera. Para sarjana Arab seperti *al-Jahiz*, *Ibn Qutaibah*, *al-Jurjani*, *al-Zamakhsyari* dan *Fakhr al-Razi* mengaitkan stilistik dengan *nazm*, iaitu suatu konsep pemilihan perkataan yang tepat dan kekemasan penyusunan perkataan tersebut menepati dengan makna yang dikehendaki oleh penutur ('Abd Al-Qāhir, 1992; Yusuf Abu al-'Adus, 2007).

Stilistik mula dikenali pada kurun ke 20 selepas wujudnya ilmu linguistik moden yang diasaskan oleh *Ferdinand de Saussure*. Ilmu stilistik diasaskan oleh anak murid beliau yang bernama *Charles Bally*. Ilmu ini pada awalnya diasaskan untuk melihat gaya bahasa yang digunakan di dalam teks sastera, kerana secara lazimnya penggunaan gaya bahasa di dalam teks sastera terkeluar daripada garis panduan aturan bahasa atau penyimpangan bahasa (Burke, 2014). Analisa stilistik melihat keupayaan penulis atau pengkarya di dalam mencorakkan penggunaan bahasa di dalam teks atau ucapan mereka.

Fonosemantik merupakan satu kajian berbentuk pelbagai disiplin yang merangkumi ilmu fonetik, semantik, leksikologi dan stilistik. Ia mula dipelopori di Russia oleh *S. V. Voronin* pada tahun 1969 (Flaksman, 2021), dan dikenali di Eropah dan US dengan istilah "*sound symbolism*" yang dibawa oleh *Charles K. Ogden*, *Ferdinand de Saussure* dan lain-lain. Dalam kajian fonosematik, sesuatu bunyi huruf bersifat bukan arbitari atau tanpa makna, sebaliknya ia membawa makna yang tersendiri dalam membina sesuatu perkataan. Antara contoh dalam bahasa Inggeris, perkataan yang mengandungi bunyi huruf "*gl-*" seperti perkataan *gleam* dan *glitter* sering dikaitkan dengan objek kecil dan bersinar-sinar (Nasikan, 2019).

Bahasa Arab mempunyai fonetik tersendiri, di mana bunyi huruf terbahagi kepada dua bahagian iaitu konsonan dan vokal. Terdapat 28 huruf hijaiyah di dalam bahasa Arab, yang terdiri daripada 25 konsonan dan 3 vokal (Amin Al-Hadi Ab Hadi & Firuz-akhtar Lubis, 2023). Dari aspek makna, setiap huruf di dalam bahasa Arab mempunyai makna tertentu secara tunggal dan akan melahirkan satu makna yang baharu sekiranya digabungkan antara satu dengan yang lain (Misriy, 2013). Jadual 2 menunjukkan makna bagi setiap huruf di dalam bahasa Arab:

**Jadual 1: Makna huruf hijaiyah**

No.	Huruf	Makna huruf
1	<i>Hamzah</i>	Huruf yang mempunyai kelaziman pergerakan ke hadapan dan belakang.
2	<i>Alif mad</i>	Huruf yang membawa konotasi tidak berubah sentiasa tegak dan lurus antara pergerakan tempat atau masa.
3	<i>Ba'</i>	Huruf yang memancarkan dan membuka laluan daripada sumber tenaga ketika diperlukan.
4	<i>Ta'</i>	Huruf yang menarik dan menumpukan pergerakan untuk membina satu kekuatan yang baharu.

5	<i>Tha'</i>	Huruf yang berkembang dengan teratur secara berterusan dalam tempoh yang panjang.
6	<i>Jim</i>	Huruf yang mengabungkan apa-apa yang bertaburan atau berselerak dan berkembang/membiak menjadi semakin besar.
7	<i>Ha</i>	Huruf yang mempunyai pergerakan secara menaik.
8	<i>Kho'</i>	Huruf yang tersorok dan tersembunyi dari tempat keluar untuk menahan dan ditekan di suatu tempat yang khas.
9	<i>Dal</i>	Huruf yang memberi makna pergerakan yang mempunyai matlamat dalam jangka masa panjang.
10	<i>Dzal</i>	Huruf yang berasosiasi dengan penyempitan laluan bersama kesinambungan pergerakan dengan cara menghubungkannya dengan suatu yang asal.
11	<i>Ro'</i>	Huruf yang membawa konotasi pergerakan yang berulang dengan cara yang teratur dalam suasana yang tertentu.
12	<i>Dzai</i>	Huruf yang memfokuskan pergerakan secara fizikal.
13	<i>Sin</i>	Huruf yang melangkaui batasan penguasaan dan perluasan.
14	<i>Shin</i>	Huruf yang membawa konotasi pergerakan yang bercabang dan mencapah daripada dasarnya.
15	<i>Sod</i>	Huruf yang saling berhubung dan berinteraksi dalam pergerakan yang signifikan.
16	<i>Dod</i>	Huruf yang membawa konotasi keterlibatan secara bersunggu-sungguh dan tidak melencong daripada tujuan asal.
17	<i>Tho'</i>	Huruf yang mempunyai pergerakan turun dan naik yang tertakluk kepada tarikan dalaman.
18	<i>Zho'</i>	Huruf yang memberi maksud peningkatan keterlihatan dan kejelasan pergerakan dalam usaha meluaskan jaringan.
19	<i>'Ain</i>	Huruf yang membawa konotasi penjagaan dalaman dan luaran yang samar pada arah dan pergerakan.
20	<i>Ghayn</i>	Huruf yang berasosiasi dengan keterlindungan pergerakan dan memastikan tujuan tercapai dengan cara menyembunyikan ciri utama.
21	<i>Fa'</i>	Huruf yang membawa konotasi pemisahan dan pemecahan untuk membezakan dan memutuskan arah pergerakan.
22	<i>Qof</i>	Huruf yang mempunyai daya pemisah untuk menunjukkan dan mengesan pergerakan.
23	<i>Kaf</i>	Huruf yang membawa konotasi yang besar terdiri daripada pembentukan dan dipersetujui dari sudut konteks dan kandungan.
24	<i>Lam</i>	Huruf yang mempunyai kesepaduan untuk membuat satu pergerakan baharu.
25	<i>Mim</i>	Huruf yang menyempurnakan kekurangan untuk menyiapkan sesuatu pekerjaan.
26	<i>Nun</i>	Huruf yang membentuk kekuatan secara berterusan dan pergerakan yang stabil samada sudut masa atau tempat.
27	<i>Wau</i>	Huruf yang memberi ruang kepada pergerakan dalam satu tempat yang luas.
28	<i>Ha'</i>	Huruf yang membawa konotasi perpindahan satu bebanan yang tidak stabil atau sentiasa bergerak. Jika ia menjadi stabil, maka ia akan menarik benda lain ke arahnya.
29	<i>Ya</i>	Huruf yang sentiasa bergerak seiring dengan dimensi masa.

Jadual 2 menunjukkan makna setiap huruf hijaiyah di dalam bahasa Arab secara tunggal. Setiap huruf ini mewakili makna yang tertentu dan akan menghasilkan satu makna yang baharu berdasarkan gabungan huruf yang membentuk perkataan.

### Hadis Nabawi

Hadis adalah sumber kedua terpenting dalam syariat Islam. Perkataan hadis dari sudut bahasa bermaksud ucapan atau sesuatu yang baharu (Ibn Manzur, 1990). Sementara sudut istilah, ia bermaksud semua yang disandarkan kepada Nabi Muhammad SAW berupa percakapan, perbuatan, persetujuan

diam dan karakteristik Baginda SAW. Hadis terbahagi kepada dua komponen utama iaitu *isnad* dan *matan* (‘Itr, 1998). *Isnad* merujuk kepada definisi rantaian perawi yang menyampaikan hadis. Sementara *matan* menggambarkan teks hadis dalam bentuk perkataan atau perbuatan atau pengakuan atau karakteristik Baginda SAW (Jamal et al., 2017, 2018; Kahyr al-Abadi, 2009).


Dari sudut periwayatan, hadis-hadis Nabi SAW dinukilkan dalam kitab-kitab hadis. Kitab hadis yang paling autentik ialah kitab *al-Jami’ al-Musnad Min Hadith Rasulillah Wa Sunanihi Wa Aiiyamihi*, yang dikenali sebagai Sahih Sahih al-Bukhari. Kitab ini dikarang oleh Imam Muhammad ibn Ismail al-Bukhari yang berasal daripada Parsi (Al-Khatib, 1998). Kitab Sahih al-Bukhari menghimpunkan hadis yang berkedudukan sahih dan memuatkan 7563 hadis dengan pengulangan. Kesemua hadis ini diletakkan dalam topik dan sub-topik. Setiap topik dinamakan ‘*kitab*’ dan sub-topik dinamakan ‘*bab*’. Kitab Sahih ini memuatkan sebanyak 97 *kitab*, bermula dengan *kitab* Permulaan Wahyu dan diakhiri dengan kitab Tauhid. Manakala bilangan *bab* mencecah 3450 (Al-Zahrani, 1998).

Manakala dari sudut jenis hadis, ia dikategorikan kepada empat jenis hadis, iaitu: *hadis qauli*, *hadis fi’li*, *hadis taqriri*, *hadis wasfi* (Al-Ghoury, 2011). Hadis jenis pertama merujuk kepada perkataan atau ucapan Nabi, termasuk semua perkataan, pidato, atau ungkapan lisan yang disampaikan (Abadi, 2011). *Hadis qauli* mewakili sebahagian besar jenis hadis Nabi SAW. Ia juga merupakan hadis yang lebih kuat penghujahannya seandai berlaku pertembungan dengan *hadis fi’li* atau *hadis taqriri* (Junaidi et al., 2017; Mohd et al., 2016; Sousoh, 1997).

Dalam penelitian *Hadis Qauli*, terdapat satu kategori hadis yang boleh dinamakan *Hadis Qauli Hiwari*. Ia merupakan dialog antara Nabi SAW dengan orang perseorangan (sahabat atau individu tertentu) atau bersama kumpulan tertentu. Adakala dialog ini ringkas dan adakala ia didatangkan secara panjang (Mahmud, 2011). Dialog merupakan cara yang paling efektif dalam menyampaikan dakwah. Ini bertepatan dengan sunnah Nabi SAW yang mengandungi jumlah besar hadis yang diriwayatkan dalam bentuk perkataan (*qawli*).

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisa teks. Data utama kajian ini diperolehi daripada buku hadis Sahih Bukhari. Terdapat dua fasa utama dalam kajian ini, iaitu fasa pengekstrakan data dan fasa menganalisa data.



**Gambarajah 1: Gambaran keseluruhan dua fasa utama dalam kajian.**

Fasa pertama: Pengekstrakan data dibuat dengan cara mengenalpasti perkataan yang berkaitan dengan amalan terbaik (*afdalul a'mal*) dalam Sahih Bukhari dengan menggunakan teknik medan makna seperti yang dicadangkan oleh Ghafar et al. (2016). Pengkaji menggunakan perkataan *afdal a'mal* dan sinonimnya, *akhyar*, *ahsan* dan *amsal*. Terdapat 5 hadis yang mempunyai perkataan *afdal a'mal* dan

*a'mal afdal*. Hadis yang mempunyai perkataan yang bersinonim dengan (*afdal*) tidak menepati ciri hadis yang dikehendaki.

Fasa kedua: Analisa jawapan Rasulullah SAW dalam perbualan atau soal jawab kepada soalan yang ditanyakan. Data tersebut dianalisa dari dua aspek, iaitu: (1) analisa diskriptif kepada huruf yang matan hadis bagi melihat kekerapan bilangan huruf dan baris yang digunakan ke atas huruf-huruf tersebut, dan (2) analisa fonosematik bagi setiap kata kunci dalam setiap hadis berdasarkan kata akar setiap perkataan.

## DAPATAN KAJIAN

Terdapat lima hadis berkaitan amalan terbaik yang dikeluarkan daripada Kitab Sahih al-Bukhari:

**Jadual 2: Senarai hadis keutamaan amal dalam Sahih Bukhari**

Nama Kitab	Nama Bab	No Hadis	Kandungan Hadis
Haji	Bab Kelebihan Haji Mabruur	1519	Amalan terbaik adalah beriman kepada Allah dan RasulNya, jihad di jalan Allah dan Haji Mabruur
Tauhid	Bab Nabi SAW menamakan solat sebagai amalan dalam Islam	7534	Amalan terbaik adalah solat pada waktunya, berbuat baik pada ibu bapa dan berjihad pada jalan Allah
Pembebasan hamba	Bab Riqab yang paling baik	2518	Amalan terbaik adalah beriman pada Allah dan berjihad pada jalanNya
Iman	Bab menyatakan Iman sebagai Amalan	26	Amalan terbaik adalah beriman kepada Allah dan RasulNya, jihad di jalan Allah dan Haji Mabruur
Jihad	Bab Kelebihan Berjihad	2782	Amalan terbaik adalah solat pada waktunya, berbuat baik pada ibu bapa dan berjihad pada jalan Allah

Jadual 3 menunjukkan bilangan hadis berkaitan amalan terbaik dalam Islam berdasarkan hadis yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari. Terdapat lima hadis yang berkaitan dengan tema ini dalam beberapa bab, iaitu kitab *Iman*, kitab *Jihad*, kitab *Itq*, kitab *Haji* dan kitab *Tauhid*.

Dari aspek matan, hadis amalan terbaik diriwayatkan dalam dua bentuk. Pertama hadis yang diriwayatkan dengan lafaz “سَأَلْتُ” yang menggunakan ayat aktif transitif yang digabungkan kata ganti nama pertama, iaitu : سَأَلْتُ. Terdapat dua hadis yang menggunakan periwayatan tersebut, iaitu hadis bernombor 2518 dan 2782 yang merujuk kepada *Abu Zar al-Ghifari* dan *Abdullah bin Mas'ud* yang bertanyakan kepada Rasulullah SAW secara terus, sementara hadis ketiga adalah merujuk kepada “رجل” yang bertanyakan kepada Rasulullah tanpa menyebut namanya, iaitu hadis bernombor 7534. Bagi bentuk kedua: hadis yang diriwayatkan dengan lafaz “سُئِلَ” yang menggunakan ayat aktif tak transitif yang tidak disebut pelakunya. Terdapat dua hadis yang menggunakan periwayatan tersebut, iaitu hadis bernombor 1519 dan 2518.

Berdasarkan dapatan hadis keutamaan amalan yang dinyatakan, terdapat 5 keutamaan amalan terbaik yang digariskan dalam kitab Sahih Bukhari merangkumi beriman kepada Allah dan Rasul, jihad di jalan Allah, memperoleh haji yang mabrur, solat di awal waktu dan taat kepada ibubapa seperti dalam jadual 4.


**Jadual 3: Senarai Amalan Terbaik Dalam Sahih Bukhari**

Amalan Terbaik / No. Hadis	1519	7534	2518	26	2782
Beriman kepada Allah dan RasulNya	√		√	√	
Berjihad di jalan Allah	√	√	√	√	√
Haji yang Mabruur	√			√	
Solat pada waktunya		√			√
Berbuat baik kepada ibu bapa		√			√

Jadual 4 menunjukkan lima amalan terbaik yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari. Setiap hadis telah merekodkan sekurang-kurangnya tiga jenis jawapan ringkas Rasulullah SAW kecuali hadis no 2518. Berjihad di jalan Allah mempunyai pengulangan yang paling banyak, iaitu 5 kali. Amalan tersebut sering diulang oleh Rasulullah SAW kerana keperluan kepada ibadah tersebut dalam menyebarkan Islam pada ketika itu dengan berjihad sama ada dari aspek fizikal, mental, harta benda dan lain-lain.

**Corak Taburan Huruf dalam Hadis Amalan Terbaik**

Dalam lima Hadis berkaitan amalan terbaik dalam Sahih Bukhari, Rasulullah telah menggunakan jawapan ringkas dan padat. Berikut adalah jumlah huruf dalam semua hadis tersebut.



**Gambarajah 2: Jumlah Keseluruhan Huruf bagi Hadis Amalan Terbaik dalam Sahih Bukhari**

Gambarajah 2 menunjukkan jumlah keseluruhan huruf yang digunakan di dalam hadis-hadis berkaitan keutamaan amalan dalam buku Sahih Bukhari. Terdapat 22 huruf yang digunakan di dalam hadis-hadis ini. Terdapat dua huruf yang mempunyai frekuensi tertinggi, iaitu: huruf lam yang berulang sebanyak 36 kali dan huruf alif yang berulang sebanyak 29 kali. Ini diikuti oleh huruf ha' yang berulang sebanyak 17 kali dan huruf ya' sebanyak 16 kali. Huruf ba' mempunyai frekuensi 12 kali dan huruf wau sebanyak 11 kali. Terdapat dua huruf yang mempunyai frekuensi yang sama sebanyak 10 kali iaitu huruf ra' dan mim. Baki 14 huruf mempunyai kekerapan bawah 10 kali dengan pengulangan sebanyak 9 kali hingga 1 kali.

Pengulangan huruf yang berfrekuensi tinggi di dalam hadis amalan terbaik ialah huruf alif dan huruf lam. Jika kedua-dua huruf ini digabungkan menjadi alif lam yang mempunyai makna khusus dalam nahu bahasa Arab. Berikut adalah pecahan huruf alif dan lam dalam lima hadis tersebut.

**Jadual 4: pecahan huruf alif dan lam di dalam hadis amalan terbaik**

Kategori	Contoh perkataan
Perkataan yang mempunyai huruf alif	مِيقَاتِهَا
Perkataan yang mempunyai huruf lam	عَلِي، رَسُولِهِ، سَبِيل
Perkataan yang mempunyai huruf alif dan lam	الصَّلَاةِ، الْجِهَادِ، اللَّهُ، لَوْقَتِهَا، الْوَالِدِينَ


Jadual 4 menunjukkan pecahan huruf alif dan lam di dalam hadis amalan terbaik. Pecahan kedudukan huruf alif dan lam dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu: perkataan yang mempunyai huruf alif sahaja, perkataan yang mempunyai huruf lam sahaja dan perkataan yang mempunyai huruf alif dan lam.

Fokus utama perbincangan ialah bahagian ketiga yang merujuk kepada dua huruf digandingkan bersama bagi membentuk *alif lam ma'rifah*, yang merujuk kepada kata nama khas. Kata nama khas merujuk kepada sesuatu yang telah diketahui secara spesifik oleh penutur dan pendengar. Dalam tatabahasa Arab *alif lam ma'rifah* mempunyai dua jenis, iaitu *alif lam al-'ahdiyah* dan *alif lam al-jinsiyyah*. Jenis pertama merujuk kepada maklumat yang sudah diketahui oleh penutur dan audien ketika percakapan itu berlaku. Sementara jenis kedua merujuk kepada makna keterangkuman pelbagai jenis sesuatu perkataan. Contoh *alif lam al-jinsiyyah* dalam al-Quran: *وخلق الإنسان ضعیفاً*. Alif lam dalam perkataan *الإنسان* membawa makna keterangkuman semua jenis manusia, sama ada dari aspek umur, bangsa, warna kulit, bahasa dan lain-lain kriteria.

Dalam hadis amalan terbaik, terdapat dua amalan yang menggunakan *alif lam al-'ahdiyah*, iaitu: menunaikan solat di awal waktu dan berbuat baik kepada ibu bapa datang dalam hadis bernombor 2782 dan 7534, dan amalan berjihad di jalan Allah hadis bernombor 26, 2782 dan 7534.

### Aras Amalan Terbaik Berdasarkan Kepada Analisa Fonosemantik

Analisa fonosemantik akan melihat gabungan setiap huruf daripada kata akar dan makna yang dihasilkan daripada gabungan-gabungan tersebut. Analisa ini akan memfokuskan kepada lima amalan terbaik yang disebutkan oleh Nabi SAW dalam Sahih Bukhari. Hasil dapatan menunjukkan bahawa lima amalan terbaik itu boleh disusun secara vertikal mengikut makna yang terhasil dari gabungan huruf kata akar seperti berikut:



**Gambarajah 3: Jumlah Keseluruhan Huruf bagi Hadis Amalan Terbaik dalam Sahih Bukhari**

Gambarajah 3 menunjukkan susunan amalan terbaik berdasarkan kepada lima hadis yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari. Amalan pertama, iaitu Beriman kepada Allah dan Rasulnya merupakan asas kepada seorang Muslim dan semua rukun iman yang lain. Seterusnya diikuti amalan kedua, iaitu Menunaikan solat pada waktunya yang juga asas kepada ibadah seseorang Muslim dan semua rukun islam yang lain.

Sementara tiga amalan terbaik lain, iaitu berbuat baik kepada ibu bapa, berjihad di jalan Allah dan Haji yang mabrur adalah bergantung kepada keterbatasan dan kemampuan seseorang Muslim. Amalan berbuat baik kepada ibu bapa bergantung kepada hidup atau mati kedua-dua mereka, sementara amalan jihad di jalan Allah dan menunaikan Haji adalah bergantung kepada kemampuan seseorang individu dari aspek fizikal dan mental.

Lima amalan terbaik ini disusun secara vertikal bagi menunjukkan aras amalan terbaik yang dinyatakan dalam hadis Nabi yang diriwayatkan dalam Sahih Bukhari. Dua amalan terbaik pertama, iaitu: Beriman kepada Allah SWT dan RasulNya, dan menunaikan solat pada waktunya merupakan asas kepada semua amalan yang lain. Berikut adalah dapatan analisa fonosemantik bagi setiap kata akar bagi semua amalan tersebut.

**Jadual 5: Beriman kepada Allah SWT dan RasulNya**

Kata Akar	Huruf	Makna Semantik Huruf
أمن	أ	Huruf yang mempunyai kelaziman pergerakan ke hadapan dan belakang.
	م	Huruf yang menyempurnakan kekurangan untuk menyiapkan sesuatu pekerjaan.
	ن	Huruf yang membentuk kekuatan secara berterusan dan pergerakan yang stabil samada sudut masa atau tempat.

Jadual 5 menunjukkan amalan terbaik yang pertama, iaitu: beriman kepada Allah dan RasulNya. Perkara ini termasuk di dalam rukun Iman. Ia juga banyak dinyatakan di dalam al-Quran. Perkataan beriman berasal daripada huruf *hamzah-mim-nun* yang bermaksud selamat. Gabungan huruf *hamzah, mim* dan *nun* di dalam perkataan beriman membawa konotasi iman itu ada naik dan turunnya, namun kita sebagai manusia perlu sentiasa berusaha untuk mencari kekuatan dalam mencapai kemanisan iman dan tahap iman yang tertinggi.

**Jadual 6: Menunaikan solat pada waktunya**

Kata Akar	Huruf	Makna Semantik Huruf
صلو	ص	Huruf yang saling berhubung dan berinteraksi dalam pergerakan yang signifikan.
	ل	Huruf yang mempunyai kesepaduan untuk membuat satu pergerakan baharu.
	و	Huruf yang membawa konotasi tidak berubah sentiasa tegak dan lurus antara pergerakan tempat atau masa. Huruf yang memberi ruang kepada pergerakan dalam satu tempat yang luas.

Jadual 6 menunjukkan keutamaan amalan yang kedua iaitu menunaikan solat pada waktunya. Perkataan solat di dalam bahasa Arab berasal daripada kata akar *sod-lam-wau* yang bermaksud doa. Gabungan huruf ini bertepatan dengan perbuatan solat kerana solat merupakan satu perbuatan yang menghubungkan jasmani dan rohani seorang manusia serta memerlukan kesepaduan dan kesatuan dalam menggerakkan anggota badan yang tertentu ketika menunaikan ibadah solat.

**Jadual 7: Berbuat baik kepada ibu bapa**

Kata Akar	Huruf	Makna Semantik Huruf
برر	ب	Huruf yang memancarkan dan membuka laluan daripada sumber tenaga ketika diperlukan.
	ر	Huruf yang membawa konotasi pergerakan yang berulang dengan cara yang teratur dalam suasana yang tertentu.
	ر	Huruf yang membawa konotasi pergerakan yang berulang dengan cara yang teratur dalam suasana yang tertentu.

Jadual 7 menunjukkan kelebihan amalan yang ketiga iaitu berbuat baik dan mentaati ibu bapa. Amalan ini sangat dituntut di dalam Islam seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran:

﴿ وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عِنْدَكَ الْأَكْبَرِ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ۝﴾

(al-Isra:23)

Perkataan *birr* di dalam hadis berasal daripada huruf *ba-ra'-ra'*. Gabungan ketiga-tiga huruf ini bertepatan dengan tuntutan ayat al-Quran supaya berbuat baik kepada ibu bapa. Perbuatan ini menuntut kesungguhan yang sangat tinggi dalam diri seorang anak untuk berkhidmat dan berbakti sepanjang mereka hidup.



**Jadual 8: Jihad di jalan Allah**

Kata Akar	Huruf	Makna Semantik Huruf
جهاد	ج	Huruf yang menggabungkan apa-apa yang bertaburan atau berselerak dan berkembang/membiak menjadi semakin besar.
	ه	Huruf yang membawa konotasi perpindahan satu bebanan yang tidak stabil atau sentiasa bergerak. Jika ia menjadi stabil, maka ia akan menarik benda lain ke arahnya.
	د	Huruf yang membawa makna konotasi pergerakan yang mempunyai matlamat dalam jangka masa panjang.

Jadual 8 menunjukkan keutamaan amalan yang keempat iaitu jihad di jalan Allah. Jihad dari sudut bahasa bermaksud kuasa, kerahan tenaga atau kesukaran, manakala dari sudut istilah bermaksud mengerah sepenuh tenaga dan kemampuan untuk berjuang di jalan Allah dalam usaha menyebarkan dakwah atau mempertahankan agama. Jihad di dalam Islam dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: jihad melawan musuh yang nyata, jihad melawan syaitan dan jihad melawan nafsu. Perkataan jihad berasal daripada tiga huruf iaitu *jim-ha-dal*. Gabungan ketiga-tiga huruf ini membawa maksud keperluan menggabungkan seluruh tenaga, kemampuan dan kekuatan dalam melakukan jihad, sama ada dalam usaha menyebarkan Islam atau mempertahankannya atau jihad melawan nafsu yang memerlukan masa yang lama secara berperingkat.

**Jadual 9: Haji yang Mabruur**

Kata Akar	Huruf	Makna Semantik Huruf
حجج	ح	Huruf yang mempunyai pergerakan secara menaik.
	ج	Huruf yang menggabungkan apa-apa yang bertaburan atau berselerak dan berkembang/membiak menjadi semakin besar.
	ج	Huruf yang menggabungkan apa-apa yang bertaburan atau berselerak dan berkembang/membiak menjadi semakin besar.

Jadual 9 menunjukkan kelebihan amal yang kelima iaitu haji yang mabruur. Kelebihan amal ini diriwayatkan dalam hadis bernombor 1519 dan hadis bernombor 26. Perkataan haji berasal daripada tiga huruf iaitu *ha-jim-jim*. Gabungan ketiga-tiga huruf ini menggambarkan pergerakan yang konsisten dan progresif dengan menggabungkan pelbagai kaedah dan usaha bagi mencapai sesuatu objektif yang memberi impak yang berkesan. Makna ini digambarkan dalam ibadah haji yang menuntut kesemua ciri-ciri tersebut, di mana ia kesan yang positif dan nilai kebaikan yang amat besar yang dirasai dalam diri orang yang menunaikan ibadah tersebut, seterusnya mampu memberikan impak yang baik kepada orang di sekelilingnya.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan dapat disimpulkan bahawa analisa fonosemantik dalam stilistik dapat membantu di dalam mengekstrak makna sesuatu perkataan melalui gabungan huruf-hurufnya. Gabungan setiap huruf akan menghasilkan makna yang unik dan akan dapat membezakan perkataan tersebut dengan kata yang sama atau hampir sama dengan kata lain. Kajian juga secara umumnya membuktikan penggunaan perkataan dalam al-Quran dan Hadis adalah tepat mengikut makna yang dikehendaki, dan tiada kata sinonim boleh menggantikan perkataan tersebut. Kedua-dua sumber tersebut mempunyai gaya bahasa tersendiri, khususnya dalam pemilihan perkataan yang tepat. Oleh itu, fonosemantik dapat membantu dalam memahami hadis secara lebih terperinci, khususnya istilah-istilah khusus dalam Islam.

## PENGHARGAAN

Artikel merupakan hasil pembiayaan geran penyelidikan MAIPs-IIUM Jamalullail Research Grant Scheme (JRGS), JRGS21-011-0011.

## RUJUKAN

- ‘ Abd Al-Qāhir, A.-J. (1992). *Kitab Dala’il al-i’jaz* (M. M. Shakir (ed.); 2nd ed.). Matba’ah al-Madani.
- ‘Itr, N. alDin; (1998). *Manhaj al-Naqd Fi ‘Ulum al-Hadith*. Dar al-Fikr.
- Abadi, M. A. L. al K. (2011). *Uhum Hadith :Asiiluha wa Mu’asiruha* (11th ed.). Dar al Syakir.
- Abdul Ghofur, Nur Huda, & Ali Ja’far. (2021). Stylistic Analysis of Surah al-Zalzalah. *Journal of Arabic Linguistics and Education*, 7(2), 187–203.
- Ahmad Hizkil, & Syihabuddin Qalyubi. (2021). Surah Al-Qadr dalam Tinjauan Stilistika. *Nady Al-Adab*, 18(1 May 2021), 1–17.
- Al-Ghouri, S. A. M. (2011). *Al-Maysir ‘ala Mustalah al-Hadith*. Dar al-Syakir.
- Al-Khatib, ‘Ajaj. (1998). *Al-Sunnah Qabl al-Tadwin* (1st ed.). Dar al-Fikr.
- Al-Zahrani, M. bin M. (1998). *Tadwin al-Sunnah al-nabawiyah Nas’atuhu wa Tatawwuruha* (2nd ed.). Dar al-Khudhairi.
- Amin Al-Hadi Ab Hadi, & Firuz-akhtar Lubis. (2023). Sumbangan al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi Terhadap Perkembangan Linguistik Arab [Contributions of al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi Toward The Development of Arabic Linguistics]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 52–63.
- Assidi, L. W. (2021). *Stilistika al Qur’an: Kajian Terhadap Surat Yunus Ayat 99*.
- Burke, M. (2014). The Routledge Handbook of Stylistics. In M. Burke (Ed.), *The Routledge Handbook of Stylistics* (1st ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315795331>
- Fahnestock, J. (2005). Rhetorical stylistics. *Language and Literature*, 14(3), 215–230. <https://doi.org/10.1177/0963947005054478>
- Flaksman, M. A. (2021). Stanislav Voronin’s Universal Classification of Onomatopoeic Words: a Critical Approach (Part 2). *Discourse*, 7(1), 92–102. <https://doi.org/10.32603/2412-8562-2021-7-1-92-102>
- Ghafar, N. A., Ahmad, H., Ghazali, N. M., Mohd, R. A., & ... (2016). Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-Sarjana Islam. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 4(2), 24–35.
- Gunarti, T. T., & Ahmadi, M. (2021). Stilistika Al Qur’an Memahami Bentuk-Bentuk Komunikasi Dalam Surah A sy Syu ’ ara ’. *Furqon*, 4(2), 151.
- Haleema Rashid, & Muhammad Arfan Lodhi. (2019). Stylistics analysis of the two translated versions of the Holy Quran with special reference of Surah Al-Noor. *Journal of Arts and Social Sciences*.
- Ibn Manzur, M. M. (1990). *Lisan al-Arab*. Dar Sader.
- Jamal, I. H., Junaidi, J., Ghazali, N. M., & Ahmad, H. (2018). Revisiting Scholars’ Principles on Extracting Proper Hadith Understanding. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(10), 87–98.
- Jamal, I. H., Junaidi, J., Ghazali, N. M., Mohd, R. A., Khassim, N. A. M., Ibrahim, N., Hassan, S. N. S., Samarah, S. H. A., Khalaf, N. A. R., Ahmad, H., Malek, A. A., & Salam, R. A. (2017).

Classification of Hadith Fi'li in Sahih Al-Bukhari Based on Contextual Understanding on the Pillars of Islam. *Advanced Science Letters*, 23(5), 4681–4685. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.8948>

Junaidi, J., Jamal, I. H., Ghazali, N. M., Ahmad, H., & Salam, R. A. (2017). Expanding Hadith Understanding Using Ontology. *Advanced Science Letters*, 23(5), 4611–4614. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.8939>

Kahyr al-Abadi, A.-L. (2009). *'Ulum Al- Hadith: Asiluha Wa Ma'siruha*. Dar al-Syakir.

Lukman Fajariyah. (2020). Studi Stilistika Al-Quran: Kajian Teoritis dan Praktis Pada Surat Al-Ikhlās. *Alfaz (Arabic Literatures for Academic Zealots)*, 8, 161–171.

Mahmud, S. (2011). *40 Teknik Rasulullah Mengajar* (3rd ed.). Al-Azhar Media.

Mazhar Iqbal Ranjha, Kalsoom Jahan, & Khalid Ahmed. (2020). Stylistic Analysis of Surah Al-Nāas (Al-nās). *Pakistan Languages and Humanities Review*, 4(II), 1–11. [https://doi.org/10.47205/plhr.2020\(4-ii\)1.1](https://doi.org/10.47205/plhr.2020(4-ii)1.1)

Misriy, A. al. (2013). *al Abjadiyyah wa Dilalatuha : Nazariyyah wa Tatbiq* (1st ed.). Dar Kan'aan li Nasyr wa Tawzie'.

Mohd, R. A., Ghazali, N. M., Sempo, M. W., Khossim, N. M., Mohamad, N., Khossim, N., Toure, A. K., & Ahmad, H. (2016). Kajian Nama Allah “Al-Samii” Dalam Al-Quran dan Hadis Qawliyah Sahih Bukhari. In *Prophetic Tolerance on Diversity on Nation* (pp. 153–163).

Muhammad Afif Amrulloh, & Munirul Ikhwan. (2021). Stylistic of the Quran: Reading the Story of Sulaiman. *Arabiyat: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab Dan Kebahasaaraban*, 8(1), 17–31.

Nasikan, Z. (2019). Phonosemantics: Ongoing Issues and Modern Perspectives. *Science and Education a New Dimension. Philology*, VII(190)(56), 36–39. <https://doi.org/10.31174/send-ph2019-190vii56-09>

Nunung Nursyamsiah, Tatang, & Hikmah Maulani. (2022). Stylistic Analysis of Surat Al-Hujurat: Its Meaning and Truth Values. *Proceedings of the Sixth International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (ICOLLITE 2022)*, 383–388. [https://doi.org/10.2991/978-2-494069-91-6\\_60](https://doi.org/10.2991/978-2-494069-91-6_60)

Parveen, S., Hafeez, M. R., & Shahbaz, M. (2020). Stylistic Analysis of the Surah Al-Asr and its Thematic Implication. *AL-Ilm*, 4(1), 1–10.

Short, M. (1996). Exploring the Language of Poem, Plays and Prose. In *Routledge*. Routledge.

Sousoh, A. M. M. I. A. (1997). *Manhaj al-Tarjih wa al -Tawfiq fi Mukhtalaf Hadith Wa Atharuhu fi al-Fiqh al-Islamiy*. Dar al-Nafa'is.

Stockwell, P. (2008). Language and Literature: Stylistics. *The Handbook of English Linguistics*, 742–758. <https://doi.org/10.1002/9780470753002.ch31>

Tawfeeq Alghazali. (2020). *A Pragma-stylistic Analysis of Surah al-Anbiya'*. November.

Tri Tami Gunarti, & Mubarak Ahmadi. (2022). Tinjauan Stilistika pada Surah Al-Insyirah. *Al Furqan: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Tafsir*, 5(2), 152–168.

Wales, K. (2014). *A Dictionary of Stylistics* (3rd ed.). Routledge.

Wellek, R., & Warren, A. (1954). *Theory of Literature*. Lowe & Brydone.

Yusuf Abu al-'Adus. (2007). *Al-Uslubiyyah ar-ru'yah wa at-tatbiq*. Dar al-Maseerah.

Zakiatul Fikriyah, & Syihabuddin Qalyubi. (2020). Surah Al-Lahab dalam Studi Analisis Stilistika. *Tsaqofiya: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Arab*, 2(2), 108–128.

Ziana Walidah, Muslim Yanuar, Dyah Nurul Azizah, & Syihabuddin Qalyubi. (2020). Stylistic Analysis in Surah Al-Najm. *Izdihar : Journal of Arabic Language Teaching, Linguistics, and Literature*, 3(2), 129–146. <https://doi.org/10.22219/jiz.v3i2.11624>